

<input checked="" type="checkbox"/>	Utusan Malaysia
<input type="checkbox"/>	Mingguan Malaysia
Tarikh:	24 / 1 / 2011
Hari:	ISNIN
Ruangan:	Kampus MBQA



Siswa UUM dekati masyarakat



KU Amirul Faiz Ku Seman (kiri) menyampaikan sumbangan kepada seorang keluarga angkat, Ishak Harun di Kampung Jaha, Taiping, baru-baru ini.

SISWA adalah generasi pelapis masa depan yang bakal menentukan hala tuju pembangunan siasah dan ekonomi bangsa. Kerana itu golongan ini bukan sahaja dipersiapkan dengan ilmu akademik, malah pada masa yang sama ilmu kemasyarakatan.

Kaedahnya adalah dengan mendekatkan mereka dengan khalayak masyarakat untuk mengutip pengalaman sebenar di luar menara gading.

Dengan cara ini golongan siswa akan dapat memahami persekitaran masyarakat dari aspek siasah dan budaya serta tata susila yang menjadi penentu warga yang berjaya.

Siswa dari Dewan Penginapan Pelajar Bank Rakyat Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar UUM menyahut cabaran untuk mendekati masyarakat menerusi program *Bakti Siswa Perdana: Limpahan Budi Ikhtiar Ukaah*.

Program tersebut diadakan empat hari di Kampung Jaha, Taiping, Perak baru-baru ini n mendapat kerjasama yang sangat baik daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Trong, Datuk Rusli Hussein, Pegawai Daerah, pemimpin di kampung berkenaan dan juga masyarakat kampung.

Bakti Siswa Perdana itu disertai oleh 46 siswa dari Dewan Penginapan Bank Rakyat UUM serta dua pegawai pengiring. Selama empat hari tiga malam, siswa-siswa ini menjadi anak angkat kepada keluarga di kampung berkenaan dan menjayakan program kemasyarakatan.

Pengarah Projek, Ku Amirul Faiz Ku Seman berkata, program itu membuka peluang kepada golongan siswa untuk mendekati dan menciumi kehidupan masyarakat di luar negara gading.

Menurutnya, siswa yang bakal menjadi pelapis mengemudi negara pada masa depan mesti memahami keperluan siasah dan budaya masyarakat sekaligus melestarikannya.

"Saya harap usaha kecil ini memberikan kesan yang besar kepada rakan-rakan siswa tentang kehidupan masyarakat. Sebaliknya memberikan sudut pandangan yang tepat bahawa golongan siswa bukan sahaja diukur pencapaian akademik malah kefahaman mereka terhadap masyarakat," tegas Ku Amirul Faiz.

Kehadiran anak angkat dari UUM itu disambut meriah dengan paltan kompiang di padang komuniti Kampung Jaha sebelum upacara perasmian oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah, Amy Azri Sazri Mohd. Isa.

Turun hadir pada majlis itu ialah Penghulu Mukim Matang, Rusli Abu Muhsin dan Ketua Kampung Jaha, Yahaya Zabariah.

Ternyata program yang diaturnya itu dapat mengeratkan hubungan silaturrahim antara siswa dengan masyarakat kampung dan keluarga angkat. Antara program yang dianjurkan ialah ceramah motivasi yang disampaikan oleh Pengawai Psikologi UUM, Mohd Khairone Md Khatidin.

Seorang peserta, Fatin Azreen Panojan berkata, sambutan dan kerjasama yang ditunjukkan oleh masyarakat setempat membuktikan program tersebut berjaya mencapai matlamat untuk merapatkan hubungan siswa dengan masyarakat.

Menurutnya, program begini juga boleh memberikan pengalaman tambahan kepada golongan siswa untuk dimanfaatkan selepas meninggalkan menara gading.